

BERITA HARIAN, SELASA, 25 APRIL, 1978

Killen dan PM runding masalah keselamatan

KUALA LUMPUR, Isnin.— Menteri Pertahanan Australia Encik D.J.Killen mengunjungi Perdana Menteri Datuk Hussein Onn hari ini kerana merundingkan soal keselamatan serantau dan kerjasama duahala dalam perkara-perkara pertahanan.

Adalah difahamkan bahawa mereka telah membincangkan soal kedudukan keselamatan di Asia Tenggara serta peraturan pertahanan lima kuasa yang turut disertai oleh Australia dan Malaysia.

Menurut sumber-sumber, Encik Killen memberi taklimat kepada Datuk Hussein mengenai dasar pertahanan Australia dan menyebutkan saling bertindakan antara dasar-dasar negeranya dengan Malaysia.

Turut hadir di majlis perundingan itu ialah Timbalan Menteri Pertahanan, Encik Mokhtar Hashim dan Ketua Turus Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Mohamed Sany Abdul Ghaffar.

Sebelum itu, Encik Killen mengunjungi Encik Mokhtar di pejabatnya. Mereka mengadakan perbincangan umum mengenai soal-soal pertahanan.

Jeneral Tan Sri Mohamed Sany dan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Encik Yusof Abdul Rahman turut hadir.

Encik Killen, yang diringi oleh Pesuruhjaya Tinggi Australia Encik G.B.Feakes, telah diberi taklimat mengenai susunan Kementerian Pertahanan.

Sebelum itu beliau telah memeriksa barisan kehormatan oleh 53 orang pegawai dan Anggota Regimen Ketiga Askar Melayu.

Lawatan lima harinya ke sini merupakan rangka pertama lawatan pembiasaannya ke negara-negara Asia Tenggara.